

TARIKH	4 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	4	RUANGAN	NASIONAL

# Konsep Tabung Haji jadi contoh

» *Tokoh perbankan Islam syor India tubuh agensi urus simpanan*

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum@bharian.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**onsep penubuhan Tabung Haji mendapat perhatian apabila seorang tokoh perbankan Islam terkenal India, Iqbal Khan mencadangkan penubuhan agensi seumpamanya di negaranya.

Tokoh yang memenangi Anugerah Diraja Kewangan Islam September lalu, menca-

dangkannya kepada Presiden India, Pranab Mukherjee kerana yakin ia dapat membantu umat Islam di negara berkenaan untuk menyimpan beransur-ansur bagi mengerjakan haji.

#### Galak simpanan

“Saya mencadangkan India mempunyai badan pengurusan dana seperti Tabung Haji yang berjaya menggalakkan orang Islam menyimpan secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menuai haji,” katanya ketika menyampaikan syarahan umum bertajuk “Pasaran Kita, Nilai Kita · Pendekatan Berasaskan Satu Prinsip Untuk Mewujudkan Nilai di Pasaran Majoriti Islam,” di sini semalam.

Hadir sama, Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah dan Pengurus Suruhanjaya Sekuriti Malaysia,

Datuk Ranjit Ajit Singh.

Iqbal yang juga Ketua Eksekutif Fajr Capital Ltd berkata, konsep penubuhan Tabung Haji sangat baik, kerana ia bukan saja menggalakkan simpanan dan menguruskan pemergian jemaah haji ke Makkah, malah berfungsi sebagai badan alternatif kepada umat Islam di Malaysia untuk menyimpan wang sambil melabur secara halal dan mengikut prinsip Islam.

Iqbal adalah penerima kedua Anugerah Diraja itu tahun ini yang disampaikan Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada majlis Makan Malam Gala di Kuala Lumpur September lalu.

Pemilihannya dibuat atas sumbangan besar serta rekod pencapaian beliau dalam memajukan sistem kewangan Islam di seluruh dunia.



“*Saya mencadangkan India mempunyai badan pengurusan dana seperti Tabung Haji yang berjaya menggalakkan orang Islam menyimpan secara beransur-ansur bagi memenuhi perbelanjaan menuai haji*”

**Iqbal Khan**  
Tokoh perbankan Islam